

Rajaan negeri digesa tangani ancaman hakisan

HAMS 28/6/18 BERITA HARIAN M/S 19



g: Kerajaan Sarawak di-
memberi perhatian serius
p ancaman hakisan yang
di Tanah Perkuburan Is-
uai di kawasan tebing Su-
ribas, Spaoh.

, langkah penyelesaian se-
rlu dicari bagi menangani
alahan itu sebelum tanah
uran berkenaan lenyap.

Cabang PKR Batang Lupar;
Zulkifli Abang Engkeh, ber-
wasan perkuburan masya-
lam daripada sembilang per-
ngan itu akan binasa jika
n mengorek dan menyedut
i kawasan berhampiran ti-

Aktiviti mengorek pasir
di Sungai Saribas bukan
baharu, ia sudah lama
dijalankan tetapi aduan
penduduk kampung
tidak diambil peduli”

**Abang Zulkifli
Abang Engkeh,**
Ketua Cabang PKR
Batang Lupar

dak dikawal.

“Aktiviti mengorek pasir di Su-
ngai Saribas bukan baharu, ia su-
dah lama dijalankan tetapi aduan
penduduk kampung tidak diambil
peduli.

“Kini, sebahagian besar daripada
kawasan perkuburan itu menung-
gu masa untuk jatuh ke dalam
sungai,” katanya ketika ditemui di
Ibu Pejabat PKR Sarawak, di sini.

Beliau mendedahkan kegiatan
mengorek pasir itu dijalankan 24
jam dan hanya terletak berham-
piran kawasan perkuburan itu.

“Jika dibiarkan, ia pasti memus-
nahkan tanah perkuburan yang

berusia ratusan tahun,” katanya.

Beliau turut membuat laporan
polis di Balai Polis Gita, di sini,
dengan harapan kegiatan itu di-
hentikan selain disiasat sama ada
pihak berkenaan berlesen dan me-
enuhi peraturan ditetapkan.

Gesa siasatan rapi

Abang Zulkifli juga menuntut tin-
dakan segera diambil Jabatan Ta-
nah dan Survei (JTS), Lembaga
Sumber Asli dan Alam Sekitar
(NREB), Jabatan Alam Sekitar
(JAS), Lembaga Sungai-Sungai Sa-
rawak (LSS) dan Suruhanjaya Per-
cegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

“Kami mendesak bukan sahaja
kegiatan mengorek pasir ini di-
hentikan tetapi juga satu penyia-
satan rapi dibuat.

“Menurut sumber yang boleh
dipercayai, kegiatan ini mendapat
kelulusan JTS tetapi melihat kea-
daan di kawasan itu, saya syak
tiada Laporan Penilaian Kesan Ke-
pada Alam Sekeliling (EIA) dibuat.

“Hakisan tanah di kawasan per-
kuburan ini berlaku sejak enam
tahun lalu dan ia sudah mencecah
lebih 10 meter tetapi kenapa tiada
tindakan diambil. Kenapa JTS biar-
kan sahaja sedangkan sudah be-
ratus kubur terhakis,” katanya.